

Abdullah cadang tubuh Majlis Hubungan Luar Negara

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Datuk Sen Abdullah Ahmad Badawi hari ini menca-dangkan supaya ditubuhkan Majlis Hubu-ngan Luar Negara bagi membincangkan isu serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri menegaskan, sudah ti-ba masanya Malaysia menubuhkan majlis tersebut bagi meningkatkan pemahaman mengenai dunia melalui perbahasan, per-debatan dan penyelidikan.

"Majlis bebas ini juga dapat merangsang pemikiran inovatif mengenai pendekatan serta isu luar negara dan oleh itu akan dapat menyumbang kepada usaha Mala-ysia untuk membentuk dunia yang lebih

adil, aman dan makmur," katanya.

Beliau berucap merasmikan kampus utama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara (**IDFR**) yang turut dihadiri oleh Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim di sini hari ini.

Abdullah memberitahu, majlis bebas itu yang mana anggota-anggota boleh dipilih daripada kalangan rakyat Malaysia yang mempunyai latar belakang berbeza dapat memberi pemikiran yang mendalam dan pe-mahaman objektif mengenai hubungan luar.

Katanya, ia juga dapat mewujudkan per-setujuan bersama dalam pelbagai polisi luar negara.

"Ahli-ahli akademik, politik, perniagaan,

diplomasi, perkhidmatan awam, penyeli-dik, wartawan dan masyarakat awam perlu dilibatkan dalam majlis bebas ini dalam merangka polisi-polisi luar negara yang lebih baik," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, banyak negara telah menubuhkan majlis tersebut sama ada negara maju atau membangun dan Malaysia boleh belajar dari negara terbabit

Menurut Abdullah, beliau melihat ba-nyak faedah dapat diperoleh daripada pe-nubuhan majlis bebas tersebut terutama dalam mempromosikan kepentingan po-litik, strategik dan ekonomi negara.

"Polisi hubungan luar Malaysia perlu me-

letakkan asas-asas menjadikan negara ini penting dalam hal ehwal dunia pada masa depan seperti mempunyai visi global pada tahun 2057 apabila negara ini telah wujud dan merdeka selama 100 tahun," katanya.

Abdullah memberitahu, negara ini mempunyai potensi untuk menyumbang menjadikan dunia lebih aman dan selamat pada masa depan.

Tegasnya, Malaysia sentiasa menjadi per-hatian utama dunia apabila berlaku krisis antarabangsa dan kedudukan ini seharus-nya dipertingkatkan bagi memastikan ne-gara mempunyai suara serta didengari oleh masyarakat dunia pada masa depan.